

11/02/1998

IAP tentukan hala tuju MSC

M Azlan Jaafar

PERSIDANGAN Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang bermula hari ini menjadi platform penting menterjemahkan hala tuju MSC serta membangkitkan isu kritikal sejagat berkaitan revolusi maklumat.

Antara topik utama yang akan dibincangkan ialah isu menjangkau sempadan, masa depan perdagangan elektronik (EC), implikasi cukai bagi EC, kesan revolusi maklumat kepada masyarakat disebabkan Internet, aliran semasa dan teknologi yang bergerak pantas serta penggabungan pelbagai teknologi seperti perkomputeran, komunikasi dan penyiaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan merasmikan persidangan IAP kali kedua itu esok. Persidangan pertama diadakan di Universiti Stanford, California, Amerika Syarikat (AS) pada Januari 1997.

Pelaksanaan EC yang juga salah satu aplikasi perdana MSC, kini diperkukuhkan lagi dengan undang-undang siber Akta Tandatangan Digital. Malaysia antara negara terawal mempunyai akta seperti itu.

Isu implikasi cukai EC serta penerimaan standard dan undang-undang EC yang diterima pakai secara sejagat dan dilihat sebagai faktor penting dalam meningkatkan EC akan turut mendapat perhatian, terutamanya dengan perkembangan Internet sebagai media bagi transaksi perdagangan.

Ahli IAP akan turut diberi taklimat mengenai status dan jumlah syarikat MSC, pembangunan infrastruktur fizikal dan maklumat, perkembangan bandar bestari Cyberjaya dan Putrajaya, langkah menangani kekurangan tenaga kerja mahir, undang-undang siber, aplikasi perdana, operasi MDC dan status MSC kepada institut pengajian tinggi, fakulti dan pelaburan syarikat dalam pendidikan.

Ketua Perhubungan Korporat Asia Pasifik British Telecom (BT) Martin O'Connor berkata, "BT melihat forum IAP peluang terbaik membincangkan perkembangan terbaru IT."

"Bagaimana (hasil perbincangan) akan menentukan masa depan rantau sebelah sini dengan gabungan ketua industri dan kerajaan Asia," katanya.

BT adalah antara 41 syarikat dan individu yang menjadi panel IAP. Anggota perwakilan IAP ditambah dari 29 menjadi 41 untuk mendapat perspektif lebih luas akibat kesan IT dalam kebanyakan industri hari ini.

Selain membincangkan isu tertentu, satu sesi khusus disediakan untuk ahli IAP mengkaji perkembangan MSC bagi menentukan hala tuju yang betul dalam semua aspek pembangunan seperti sumber manusia, infrastruktur fizikal, persekitaran, dan budaya penyelidikan & pembangunan (R&D).

Satu mesyuarat Meja Bulat Masyarakat Elektronik Asia akan turut diadakan dengan tumpuan utama kepada perkembangan pantas IT di rantau Asia, terutama dengan inisiatif kerajaan rantau ini dalam teknologi tinggi.

Kebanyakan negara Asean melihat IT sebagai media bagi pertumbuhan pantas, industri yang perlu mendapat perhatian utama serta sumber pelaburan asing dalam menuju ke abad 21.

Seramai 15 ahli IAP yang hadir kali ini termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Acer Inc, Dr. Stan Shih; Pengerusi dan CEO Alcatel Alstom, Serge Tchuruk; Pengarah Eksekutif Pusat Komunikasi Global Universiti Antarabangsa Jepun, Professor Shumpei Kumon;

Penasihat Kanan Pusat Strategi dan Pengajian Antarabangsa AS, Diana Lady Dougan; Pengerusi dan CEO DHL, Lester Alberthal; Presiden dan CEO Ericsson, Dr. Lars Ramqvist;

Profesor Universiti Stanford, Profesor William F. Miller; Naib Pengerusi

dan CEO Motorola Inc., Gary Tooker; Pengerusi dan CEO Madge Networks NV,
Robert Madge; Pengerusi NEC, Dr. Tadahiro Sekimoto;

Presiden Nippon Telegraph & Telephone Co, Jun-Ichiro Miyazu; Dr. Kenichi
Ohmae dari Ohmae dan Bersekutu, Pengerusi Silicon Graphics World Trade,
Bob Bishop; Presiden dan CEO Sony Corp, Nobuyuki Idei; dan Pengasas
Toffler dan Bersekutu, Alvin Toffler.

(END)